



Salahuddin dan Mohammad Zabidi pada Majlis Pelancaran Program Pembiayaan Mikro Agro Nisaa-i di Kuala Kedah, semalam.

(Foto Sharul Hafiz Zam/BH)

Agrobank bantu isteri nelayan jadi usahawan

Pembiayaan buka peluang teroka bisnes agro makanan

Oleh Siti Nur Mas Erah Amran
maserah.amran@bh.com.my

Alor Setar: Pembabitan isteri nelayan dalam perniagaan berkonsepkan agro makanan berupaya membantu keluarga keluar daripada garis kemiskinan, sekali meningkatkan taraf hidup.

Menteri Pertanian dan Industri

Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata isteri nelayan berpotensi memasarkan pelbagai produk yang diproses daripada hasil tangkapan suami mereka seperti ikan masin, pekasam, keropok ikan dan keropok lekor.

"Kementerian menyahut cabaran untuk memastikan nelayan keluar daripada B40 menerusi pelbagai inisiatif dan usaha ini membantu meningkatkan taraf kehidupan mereka yang berpendapatan rendah.

"Seramai 200 isteri nelayan dan usahawan wanita di bawah Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) mendapat manfaat menerusi program pembiayaan

mikro Agro Nisaa-i oleh Agrobank bagi membantu mereka menjalankan bisnes agro.

"Kita akan pantau perkembangan inisiatif ini, jika penerima pembiayaan ini berjaya membuah hasil, kita akan minta Agrobank tambah lagi peruntukan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas merasmikan program berkenaan di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan (LKIM) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Agrobank, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal dan Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil.

Mengulas lanjut, beliau berkata,

Agrobank membiayai 510 usahawan tani wanita membabitkan peruntukan RM3 juta sejak program itu dilancarkan 25 November lalu.

Katanya, pemantauan akan dilakukan dan bantuan pemasaran serta teknikal turut diberikan bagi membantu peserta membina perniagaan.

"Jika hasil memberangsangkan, pihak bank akan bantu peserta menambahkan pembiayaan.

"Wanita ini berpeluang menjadi usahawan besar dan berperanan sebagai perintis untuk membantu memayungi usahawan baharu yang ingin menceburi diri dalam bidang perniagaan," katanya.